

**PERKEMBANGAN DAN PROSPEK KOPERASI ORANG ASLI:
KAJIAN KES NEGERI PERAK DAN PAHANG**

**NURIZAH NOORDIN
ASAN ALI GOLAM HASSAN
MOHD SHAHRON ANUAR SAID
SHAMSUL KHAIRI ABU HASSAN
JULIANA MD. YUSOP**

SEPTEMBER 2013

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelbagai dasar dan polisi disediakan oleh kerajaan untuk membantu membangunkan sosioekonomi dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli di Malaysia. Dalam Model Ekonomi Baru (2011-2020) dan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) (2011-2015), dasar perancangan pembangunan dan pengagihan ekonomi negara telah dibuat secara inklusif, dengan salah satu tumpuan untuk membangunkan masyarakat Orang Asli melalui pembangunan modal insan, pembangunan ekonomi dan pembangunan infrastruktur secara holistik telah disediakan. Selari dengan matlamat ini, Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli (PSJAKOA) untuk tempoh lima tahun (2011-2015) telah disediakan dengan memberi penekanan kepada pendidikan, membangunkan usahawan dari kalangan masyarakat Orang Asli, dan meningkatkan akses kepada kemudahan asas.

Bagi membantu pembangunan usahawan dari kalangan masyarakat Orang Asli, Teras 2, PSJAKOA telah meletakkan sasaran untuk menjadikan koperasi sebagai satu saluran pemasaran yang efektif dan sebagai platform untuk usahawan-usahawan dalam kalangan masyarakat Orang Asli mengembangkan aktiviti perniagaan mereka. Dari aspek pengurusan pula, selepas memperoleh kemahiran dan pengetahuan dari kumpulan pengurusan profesional yang dilantik pada awalnya, pengurusan Koperasi Orang Asli disasarkan dapat berdikari dan akhirnya koperasi akan dapat mengurus projek-projek ekonomi secara sendiri.

Sehubungan itu, kajian ini telah dijalankan bagi melihat sejauh mana perkembangan yang telah dicapai oleh koperasi Orang Asli, khususnya dari segi penglibatan dalam kegiatan ekonomi dan pentadbiran koperasi untuk mencapai matlamat yang disasarkan oleh kerajaan dan PSJAKOA. Kajian ini juga menganalisis potensi koperasi mengembangkan aktiviti ekonomi sesuai dengan keperluan setempat dan keupayaan koperasi Orang Asli untuk mencapai matlamat ini. Dalam masa yang sama, kajian ini ingin mengetahui adakah amalan berkoperasi telah disemai dalam kalangan anggota serta adakah wujud elemen tadbir urus yang baik dalam pentadbiran koperasi.

Sebanyak 33 buah koperasi di negeri Perak dan Pahang dari 55 buah koperasi di seluruh Semenanjung telah dipilih mengikut kaedah persampelan bertujuan sebagai sampel kajian. Selain ini, kajian juga dibuat terhadap empat (4) buah koperasi yang dikenal pasti aktif dan berpotensi untuk mengenal pasti ciri dan faktor yang telah mendorong untuk koperasi ini berjaya. Seramai 655 Ketua Isi Rumah (KIR), di mana 241 orang daripadanya adalah anggota koperasi yang dipilih menggunakan kaedah persampelan berstrata secara berkadaran telah juga menjadi responden kajian ini. Data kajian diperoleh melalui tiga (3) set soal selidik yang diisi oleh sekumpulan pembanci terlatih yang terdiri dari kalangan anak-anak Orang Asli apabila temubual secara bersemuka dibuat bersama responden. Selain ini, temu bual bersama Pegawai JAKOA, Batin dan Anggota Lembaga telah dilakukan sendiri oleh penyelidik di lokasi kajian.

Secara keseluruhan, didapati perkembangan dan pentadbiran koperasi Orang Asli sama ada yang baru ditubuhkan atau yang lama adalah ditahap yang rendah, tidak mempunyai kakitangan professional dan masih belum mempunyai aktiviti ekonomi yang stabil yang boleh menjana pendapatan untuk koperasi. Ini bukan saja berpunca dari kekurangan dana, tetapi juga kerana koperasi tidak mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti, merancang dan mengusahakan aktiviti ekonomi yang sesuai dan mampu untuk mereka jalankan. Didapati hanya sebilangan kecil koperasi yang menjalankan aktiviti sosial untuk anggota dan penglibatan anggota sebagai pengguna, pekerja atau pembekal dalam aktiviti koperasi juga adalah sangat kecil. Bagaimanapun, kajian ke atas beberapa koperasi Orang Asli yang aktif mendapati kemampuan koperasi untuk berkembang berkait rapat dengan beberapa faktor seperti kesedaran berkoperasi dalam masyarakat Orang Asli, pengaruh dan kepimpinan ketua masyarakat, kompetensi dan komitmen ALK, kapasiti masyarakat Orang Asli sendiri dari segi pengetahuan, sikap dan budaya serta peluang dan sokongan dari pihak luar. Kekangan

seperti lokasi yang jauh dari pusat bandar, sumber yang terhad, kemudahan asas dan infrastruktur yang tidak sempurna pula didapati menyebabkan koperasi sukar untuk berkembang dan menjalankan aktiviti ekonomi.

Kajian ini juga mendapati sebahagian besar KIR di kawasan kajian hanya menamatkan pelajaran di peringkat sekolah rendah, dengan sebilangan kecil dari responden (1.4%) berpeluang mendapat pendidikan lebih tinggi dalam bidang akademik dan kemahiran. Dari segi ekonomi, sebilangan besar KIR (73%) menyara diri dan keluarga dengan bekerja sendiri sebagai petani, peladang atau peniaga di tempat mereka tinggal, dengan purata pendapatan tidak lebih dari RM700 sebulan. Sumber hutan tidak lagi menjadi punca pendapatan kerana sumber asli yang semakin berkurangan, harga yang tidak kompetitif dan masalah pemasaran.

Daripada 655 orang responden, hanya terdapat 71 orang (11%) yang terlibat dalam perniagaan memasarkan produk atau perkhidmatan secara kecil-kecilan di kawasan mereka sendiri dan juga ke daerah lain. Walaupun mempunyai potensi untuk berkembang, peniaga ini menghadapi masalah untuk mendapatkan modal perniagaan, bekalan dan premis perniagaan serta berhadapan dengan isu pemasaran dan persaingan dengan peniaga Cina, Kemboja dan kaum lain. Masalah kredit dengan pelanggan serta kesusahan berurusan dengan agensi kerajaan, khususnya untuk mendapatkan lesen/permit, kelulusan kertas kerja dan pembiayaan perniagaan juga memberi impak kepada kemampuan mereka untuk berkembang.

Walaupun berdepan dengan pelbagai kekangan dan kekurangan, potensi untuk meningkatkan keterlibatan koperasi Orang Asli khasnya dan masyarakat Orang Asli amnya dalam aktiviti ekonomi adalah sangat luas. Bagi meningkatkan aktiviti ekonomi dalam kalangan masyarakat Orang Asli dan keberkesanan institusi koperasi Orang Asli, terlebih dahulu infrastruktur dan kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan air dan elektrik, kesihatan, perumahan, pendidikan, talian komunikasi yang mencukupi perlu disediakan. Beberapa program pembangunan seperti pendidikan koperasi dan latihan kemahiran serta program *recruitment* dan orientasi untuk menyediakan warga Orang Asli memasuki pasaran buruh perlu diadakan.

Keterlibatan aktif dan usaha bersepadu sektor swasta, agensi kerajaan, *government link companies* (GLC), badan-badan korporat badan bukan kerajaan adalah juga sangat diperlukan untuk menyokong usaha merangsang aktiviti keusahawanan, pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Orang Asli. Penglibatan boleh dizahirkan dalam pelbagai aspek khususnya

sebagai penyedia peluang pekerjaan, pelabur, rakan kongsi dan rakan niaga dalam bidang perniagaan tradisional dan bidang baru yang berteraskan pengetahuan. Aspek lain yang perlu diberi perhatian adalah hubungan perniagaan dan kerjasama di antara koperasi dan usahawan Orang Asli dengan badan swasta atau agensi di sepanjang rangkaian nilai, polisi serta insentif yang boleh diberikan untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta melabur dan menjalankan kerjasama dengan koperasi atau kelompok usahawan Orang Asli. Akhir sekali, kajian ini mencadangkan satu bisnes model melibatkan masyarakat Orang Asli, koperasi, agensi kerajaan dan pihak swasta berdasarkan pendekatan Model Ekonomi Baru, yang dapat menjadikan koperasi sebagai wadah yang efektif dalam pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli.